

10/09/1998

Instrumen kewangan Islam tiada spekulasi

Nurkhairiyah Abdullah

DALAM setiap kesedihan, mahupun kesukaran, pasti ada hikmahnya. Terima kasih kepada kegawatan ekonomi. Di sebalik kegawatan itu, penemuan menakjubkan dunia kini bukan hanya tertumpu kepada bidang sains dan teknologi, perubatan, mahupun kejuruteraan genetik. Hasil penyelidikan yang mendorong kepada penemuan baru membabitkan bidang kewangan kini terus dicatat.

Justeru, Malaysia bukan satu-satunya negara di dunia ini yang dilanda kegawatan ekonomi dan mata wangnya dipertaruhkan di medan spekulasi. Berikutan itu, syarikat yang terpaksa menggulung tikar bukan hanya tertumpu di Malaysia, malah kini sudah merebak ke hampir semua benua meliputi Amerika Latin, Amerika Syarikat, Eropah dan Afrika, walaupun ia bermula di Asia.

Kerana angkara spekulator dan ketiadaan kuasa-kuasa ekonomi dunia yang bersedia mencabarnya menyebabkan sebahagian besar negara, yang suatu ketika dulu mencatat pertumbuhan cergas dan memberangsangkan kini turut tenat dan ada yang hampir muflis.

Ketika Asia meniti zaman mewahnya pada awal tahun 1990'an (selepas pulih dari kemelesetan ekonomi pada 1986), Jepun meminjamkan 2.6 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kepada negara Asia; pinjaman bank Perancis kepada Asia pula mewakili 2.5 peratus daripada KDNK; pinjaman daripada United Kingdom mewakili 2.3 peratus daripada KDNK dan pinjaman Jerman mewakili 1.8 peratus daripada KDNK dan Belgium mewakili empat peratus daripada KDNK.

Apabila kegawatan merebak dan ekonomi merudum, Asia yang masih belum membayar balik pinjaman berkenaan, tentunya bertambah sukar untuk membayar hutang itu. Hutang berkenaan sudah pasti meningkat berkali-kali ganda berikutan peningkatan nilai mata wang dolar berbanding mata wang tempatan.

Di awal kegawatan ekonomi Malaysia juga tidak terkecuali dari tekanan itu dan ekonominya "terhimpit" menyebabkan inflasi meningkat, pasaran modal meredum bersama nilai mata wang negara.

Bagaimanapun, tindakan kerajaan yang drastik sejak akhir-akhir ini, bukan sahaja dapat mempertahankan pasaran modal, juga menghentikan pengaliran mata wang ringgit ke luar negara.

Apabila ringgit kukuh, di sebalik kejatuhan di pasaran dunia, Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) berjaya menongkah arus dengan mencatat pengukuhan dan saham tersenarai terus melonjak.

Soalnya kini, tiada pendekatan lainkah selain sistem ekonomi dan kewangan konvensional berasaskan "common law", hinggakan tiada kuasa-kuasa besar ekonomi dunia yang sanggup mencabarnya?

Tidak bolehkah ekonomi berkonsepkan syariah menggantikan sistem kewangan konvensional?

Korea, yang bukan sahaja menanggung "bala" di mana sistem kewangan dan ekonominya hampir musnah, dan rakyatnya kelaparan, sudah memulakan pencariannya, malah lebih awal dari negara Islam lain, untuk mencari penyelesaian melangkaui sistem tradisi.

Pencarian Korea dalam mengkaji, sekali gus mendalami sistem alternatif dalam ekonomi dan perbankan hingga ke Jeddah, disahkan oleh Pengarah Pusat Penyelidikan Ekonomi Islam, Universiti Di Raja Abdulaziz, Jeddah, Dr Mohamaed Ali Elgari, merangkap perundingan perbankan Islam, Jeddah.

Prof Madya Jabatan Ekonomi, di universiti itu, juga anggota Pertubuhan Akademi Jurispriden Islam, Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) berkata

beliau bukan sahaja terharu, malah kesanggupan dan inisiatif sendiri Korea (yang memang bukan negara Islam) untuk menyelidik, sekali gus mencari penyelesaian secara Islam, membuktikan kepada dunia bahawa sistem kewangan berasaskan Islam, alternatif paling sesuai untuk menggantikan sistem tradisi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini, turut menyarankan pakar agama dan ekonomi Islam mewujudkan instrumen kewangan bagi bersaing dengan sistem sedia ada berikutan pertumbuhan pesat urus niaga mata wang.

Katanya, instrumen kewangan itu boleh menjadi alternatif yang membantu umat Islam menghadapi kekusutan sistem kewangan ketika ini dan menjelang abad ke-21 kerana urus niaga kewangan dunia kini sudah berkembang terlalu pesat dan umat Islam perlu satu kaedah baru untuk melakukan perdagangan.

Menurutnya, perlaksanaan sistem itu perlu dibuktikan berkesan dan bukan setakat "cakap-cakap" sahaja.

Bagaimanapun, Elgari berkata sistem kewangan berkonsepkan Islam bukan sahaja terbukti berdaya maju, malah berupaya menggantikan sistem kewangan konvensional yang sudah banyak kali terbukti mudah diputar belitkan dan dispekulasikan untuk "menyukarkan" perdagangan antarabangsa, selain menekan kuasa baru ekonomi dunia.

Katanya, sistem ekonomi Islam walaupun lebih tua dari sistem konvensional, ia tidak diamalkan secara meluas kerana tiada sokongan padu dari umat Islam di dunia, khususnya anggota-anggota negara Islam.

Menurutnya, sistem Islam tidak membenarkan sebarang kegiatan spekulasi, jauh sekali mewujudkan ruang untuk spekulasi atau dispekulasikan, keuntungan singkat, hedging (perlindungan nilai), juga kegiatan arbitraj.

"Yang penting, umpama sistem konvensional, tiada had dalam memperkenalkan instrumen dan kaedah pelaburan dalam sistem berkonsepkan Islam. Dunia ini adalah seluas-luasnya sistem dan instrumen berkonsepkan Islam," katanya.

Di Malaysia, sistem kewangan Islam diperkenalkan apabila Bank Islam Malaysia Bhd (BI2MB) memulakan operasinya pada Mac 1983.

Berikutan kejayaannya (bank itu bukan sahaja disokong oleh umat Islam, malah pelbagai bangsa di negara ini), kerajaan melancarkan Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) membabitkan institusi kewangan tempatan lain pada 1993.

Menurut laporan Bank Negara, sehingga akhir 1997, perbankan Islam terus menatat peningkatan memuaskan disebalik kegawatan ekonomi dan krisis kewangan.

Jumlah aset berkembang 76.5 peratus kepada RM17.9 bilion, di mana pembiayaan mencatat pertumbuhan 75 peratus kepada RM10.8 bilion. (Sila lihat rajah diatas).

Pengerusi Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid berkata kejayaan sistem kewangan Islam dalam negara tidak boleh pandang ringan.

Katanya, menerusi Permodalan Nasional Bhd (PNB) juga diwujudkan berkonsep Islam, berjaya mengumpulkan dana daripada pelabur Bumiputera untuk meningkatkan penyertaan ekonomi Bumiputera dalam ekuiti dan syarikat tersenarai.

Kini, Suruhanjaya Sekuriti (SC), yang mengawal pasaran modal tempatan, melangkah setapak lagi, dengan mewujudkan Majlis Penasihat Syariah (MPS) dan sudah mengenal pasti lebih 73 peratus mewakili 531 daripada 728 saham syarikat tersenarai yang halal.

Pengerusi Eksekutif BIMB Securities Sdn Bhd, Datuk Dr Abdul Halim Ismail (pernah menjawat pengarah urusan BIMB dari 1983 hingga April 1994) berkata sistem kewangan Islam yang kini beroperasi bersama sistem konvensional, sudah bersedia untuk memasuki fasa baru lebih mencabar dengan pertumbuhan

lebih cergas menjelang abad 21.

Katanya, kini ia bukan sahaja tertumpu kepada instrumen mudah, malah sudah bersedia melangkaui sistem perbankan, sekuriti hutang dan pembiayaan ekuiti. (Sila lihat rajah di muka satu).

Sementara itu, Prof Bersekutu Dr Saiful Azhar Rosly dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM) berkata bagaimana sistem berkonsepkan Islam boleh membantu untuk menyelamatkan ekonomi negara, khusus global perlu dilihat dari sudut atau pendekatan jangka pendek.

Katanya, walaupun ia sesuatu yang sukar, ia adalah satu percubaan yang adil kerana sistem kewangan Islam sendiri memperjuangkan keadilan saksama berbanding sistem kewangan semasa dunia yang kini disandarkan pada "common law", yang memang mudah dispekulasi.

Menurutnya, berbanding sistem konvensional, aset yang diperolehi dikeluarkan semula dalam bentuk pinjaman termasuk overdraf, pinjaman peribadi dan pinjaman perumahan manakala dalam sistem perbankan Islam, lebih dana yang mewakili lebih 70 peratus berikutan penjualan kaedah murabahah dan bai bithaman ajil dikategorikan sebagai aset bank. (rajah di muka satu).

Bagaimanapun, kata Elgari, dalam sistem kewangan Islam, apa saja instrumen boleh dijadikan sebagai tender untuk menggantikan mata wang. Pembelian tidak terikat pada mata wang, boleh digantikan dengan produk atau keluaran lain, selain komoditi.

"Sekiranya mata wang hendak dikekalkan, logam emas yang sudah terkenal sejak berzaman kerana kestabilannya, boleh digunakan untuk menggantikan mata wang di dunia," katanya.